

18

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kenapa Kementerian tidak mengadakan karnival jualan harga runtuh setiap hari dan di setiap kampung dan kawasan perumahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program berbentuk karnival jualan harga runtuh tidak dilaksanakan setiap hari di setiap kampung dan kawasan perumahan kerana ianya kurang praktikal memandangkan pelbagai faktor yang perlu diambil kira antaranya faktor **logistik, kapasiti bekalan dan inventori, kos operasi, lokasi, promosi dan sebagainya**. Sebaliknya, karnival jualan harga runtuh seperti yang dilaksanakan menerusi **Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR)** dilaksanakan secara berkala kerana lebih **signifikan, praktikal dan kos efektif**, sesuai dengan kehendak dan pola perbelanjaan masyarakat di Negara ini yang cenderung untuk berbelanja secara pukal mengikut keperluan mingguan atau bulanan. Dengan kos yang rendah, pelaksanaan karnival jualan harga runtuh seperti ini dapat diperluas ke seluruh negara supaya lebih ramai rakyat di negara ini dapat menikmati faedah dan impak positif daripada pelaksanaan program ini.

SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME UNGGI (TENOM)

TARIKH : 2 APRIL 2018

RUJUKAN : 10625

SOALAN :

PR-1361-L04194

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha-usaha untuk memperkuuh dan mempelbagaikan inisiatif mendekati komuniti terutama meningkatkan persepsi rasa selamat dalam kalangan rakyat selaras dengan 25 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian bagi sepanjang tahun 2018.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Melalui Program Transformasi Nasional, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah yang diperkenalkan sejak tahun 2009, pelbagai usaha secara konsisten dan berterusan dilaksanakan bagi mendekati komuniti terutamanya bagi meningkatkan persepsi rasa selamat. Usaha yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini merangkumi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan melalui pendekatan secara proaktif dan libat urus.

Antara program utama yang dilaksanakan secara proaktif adalah *Meet and Greet* dan *Stop and Talk* melibatkan rondaan *Mobile Police Vehicle* (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) di kawasan perumahan dan komersil di mana sekurang-kurang 66% daripada jumlah kawasan perumahan dan komersil dironda setiap syif agar dapat membudayakan masyarakat bahawa pencegahan jenayah adalah tanggungjawab bersama.

Usaha proaktif ini diteruskan lagi dengan mempergiatkan kolaborasi bersama agensi-agensi lain melalui operasi-operasi seperti berikut :

- a) Operasi Rondaan Awam Polis dan Angkatan Tentera (RAPAT) bersama Pihak Berkuasa Tempatan, ATM, RELA dan Rukun Tetangga (RT)/Skim Rondaan Sukarela (SRS);

- 24
- b) Operasi Ledak melibatkan ATM dan PDRM di kawasan tumpuan orang ramai dan komersil serta kawasan ancaman; dan
 - c) Operasi Sepadu melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

PDRM turut melaksanakan beberapa program libat urus bagi meningkatkan kesedaran dan peranan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Antara pendekatan strategik yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) menggalakkan persatuan *Community Policing* (CP) berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi membantu PDRM dalam pencegahan jenayah khas di taman perumahan. Kerjasama erat antara PDRM, persatuan CP dan masyarakat dapat mengubah persepsi terhadap tahap kebimbangan keselamatan dan ketenteraman awam;
- b) memperkasakan peranan *Peace Lady* (AMANITA) di mana polis wanita menjalankan *engagement* dengan wanita dan suri rumah dalam meningkatkan kesedaran pencegahan jenayah bagi menggerakkan dan menyelaras penglibatan wanita dan suri rumah dalam

program keselamatan selain memperoleh maklumat jenayah yang tidak dilaporkan;

- c) mengadakan Program *Talk To Us* dan PDRM bersama pelanggan di setiap daerah polis di seluruh Malaysia di mana semua elemen polis diturunkan untuk bertemu dengan pelanggan;
- d) mewujudkan aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) di mana masyarakat boleh berkongsi maklumat dan aduan yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat GPS lokasi kejadian kepada pihak polis tanpa bayaran;
- e) melaksanakan Program Bandar Selamat dengan mempertingkatkan penggunaan CCTV di kawasan perumahan dan komersil. PDRM turut mengadakan MOU dengan rakan PDRM melalui program *Safecam Partnership* bagi membolehkan pihak swasta dan orang ramai berkongsi maklumat dalam mencegah dan membanteras jenayah di kawasan tersebut;
- f) menempatkan balai polis bergerak di kawasan strategik dan taman perumahan; dan
- g) menggalakkan orang awam menyertai Sukarelawan Polis (PVR).